

FEBRUARI 2022



cassia


KERJASAMA HORMAT INTEGRITI DINAMISME SEMANGAT

PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR FGV



*Kita Saling Berkait
Selamatkan Hidupan liar*

FGV dan pemuliharaan gajah Borneo, ungka, tenggiling & beruang matahari



ILUSTRASI OLEH DR GIDEON TAN

FAKTA MENARIK



TENGGILING

Tenggiling atau nama saintifiknya *Manis Javanica* adalah spesies mamalia yang terdapat di dalam hutan di Malaysia dan Asia Tenggara. Ianya berstatus terancam kritikal di dalam senarai merah Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN).

Kegiatan pemburuan dan perdagangan haram kerana permintaan yang tinggi untuk sisik,

dan dagingnya telah menyebabkan haiwan ini kian terancam dan berhadapan risiko kepupusan. Tenggiling di Malaysia adalah hidupan liar yang disenaraikan sebagai haiwan yang dilindungi sepenuhnya.

Sempena Hari Tenggiling Sedunia yang disambut pada 19 Februari, marilah kita memupuk kesedaran untuk memulihara hidupan liar yang amat penting untuk ekosistem kita.

EDITORIAL

PENAUNG

Mohd Nazrul Izam Mansor

PENASIHAT

Dato' Najmuddin Abdullah

EDITOR

Dalilah Ibrahim

PENGURUS PROJEK

Ili Diyana Amiruddin

PEREKA GRAFIK

Mohd Nazzim Kamsaim



TERBITAN

Komunikasi Strategik Kumpulan
FGV Holdings Berhad No 200701042133
(800165-P)

Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

fgvholdings.com

FGV Tingkatkan Kemudahan Untuk Pekerja Ladang



FGV Holdings Berhad (FGV) melancarkan projek perintis Kedai FGV bergerak di operasi perladangan FGV di Sampadi, Sarawak bagi tujuan kemudahan pekerja ladang FGV.

Mohd Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV berkata, semua orang termasuk pekerja FGV mempunyai hak kepada taraf hidup yang baik termasuk akses kepada makanan dan keperluan asas.

“Memandangkan kedai-kedai runcit di ladang FGV di Sampadi agak jauh dari tempat tinggal pekerja ladang, dan sebagai majikan bertanggungjawab, FGV memutuskan untuk mengadakan sendiri perkhidmatan Kedai FGV bergerak ini bagi membolehkan pekerja ladang terus menikmati bekalan bahan mentah segar untuk keperluan harian mereka dengan lebih mudah dan harga yang lebih berpatutan” kata Mohd Nazrul.

Ujarnya, selain daripada mempromosi barangan syarikat, Kedai FGV juga boleh menjual barangan hasil peneroka FELDA.

Selaras dengan usaha FGV untuk menyokong inisiatif Kerajaan ke arah transaksi tanpa tunai, semua urusan pembelian dan pembayaran di Kedai Bergerak FGV dijalankan melalui sistem e-dompet FGV yang telah

diperkenalkan sejak 2020.

Pengerusi FGV, Dato’ Dzulkifli Abd Wahab mengalu-alukan inisiatif ini kerana pekerja ladang terutamanya pekerja migran dapat menguruskan kewangan mereka secara lebih efisien.

“Mengambil contoh banjir di Ladang Bukit Sagu yang telah menyebabkan pekerja-pekerja ladang kehilangan tempat tinggal mereka, alhamdulillah, wang mereka tetap selamat kerana aplikasi e-dompet ini tidak memerlukan mereka menyimpan wang tunai yang banyak,” kata Dato’ Dzulkifli.

Selain transaksi tanpa tunai, aplikasi ini membolehkan pekerja migran melakukan pengiriman wang kepada ahli keluarga mereka di negara asal, membeli prabayar mudah alih dan mengeluarkan wang tunai di



mana-mana mesin juruwang automatik (ATM) yang berdaftar dengan VISA, atau melalui peniaga berdaftar. Pekerja juga boleh menyalurkan sebarang rungutan atau aduan melalui aplikasi tersebut.

Selain Kedai FGV bergerak, aplikasi sama boleh digunapakai di kedai-kedai FGV lain di semua operasi perladangan FGV di seluruh negara.

Kumpulan FGV Tandatangan Perjanjian Kolektif Dengan 12 Kesatuan Pekerja



Kumpulan FGV telah menandatangani 12 Perjanjian Kolektif (CA) dengan kesatuan pekerjaanya bagi tempoh 2022-2024.

11 daripada kesatuan adalah dalaman; Kesatuan Pekerja FGV Refineries Sdn Bhd (Semenanjung), Kesatuan Pekerja FGV Refineries Sdn Bhd (Sabah), Kesatuan Pekerja Delima Oil Products Sdn Bhd, Kesatuan Pekerja FGV Kernel Products Sdn Bhd (Semenanjung), Kesatuan Pekerja FGV Kernel Products Sdn Bhd (Sabah), Kesatuan Pekerja FGV Rubber Industries Sdn Bhd, Kesatuan Pekerja FGV Transport Services Sdn Bhd (Semenanjung), Kesatuan Pekerja FGV Transport Services Sdn Bhd (Sabah), Kesatuan Pekerja FGV Bulkers Sdn Bhd (Semenanjung), Kesatuan Pekerja FGV

Bulkers Sdn Bhd (Sabah) dan Kesatuan Pekerja FGV Palm Industries Sdn Bhd (Semenanjung).

Kumpulan FGV juga menandatangani CA dengan Kesatuan Kebangsaan Pekerja Industri Petroleum dan Kimia (NUPCIW).

Mohd Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV berkata bahawa kejayaan rundingan kesemua 12 CA, di tengah-tengah cabaran COVID-19, menunjukkan komitmen yang kukuh dan hubungan industri yang terpuji antara semua pihak.

"FGV mempunyai lebih 40,000 pekerja termasuk pekerja yang dilindungi di bawah kesatuan sekerja,

yang kami iktiraf sebagai tulang belakang syarikat. Perjanjian itu membentuk persefahaman yang lebih baik antara majikan dan pekerja, sekali gus menggalakkan kerjasama dan sokongan yang lebih baik untuk mencapai aspirasi FGV untuk menjadi syarikat perniagaan tani dan makanan bertaraf dunia," kata Mohd Nazrul.

Majlis menandatangani perjanjian antara Ketua Pegawai Eksekutif anak syarikat dan Ketua Kesatuan itu diadakan di Hotel Royale Chulan di sini dengan dihadiri Mohd Nazrul dan Khalid Jali, Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Perusahaan, Kementerian Sumber Manusia.

Mohd Nazrul berkata di tengah-tengah pelbagai cabaran yang menjejaskan sawit dan industri berkaitannya sejak beberapa tahun lalu, kesatuan sekerja dan Pengurusan harus bekerjasama untuk melindungi Kumpulan dan menyokong satu sama lain untuk memastikan kejayaan berterusan.

"Kita harus mengekalkan sikap positif dan melakukan yang terbaik untuk menjalankan tugas setiap hari. Kita semua harus sedar tentang peranan kita dalam syarikat dan cara terbaik untuk menyumbang kepada perniagaan. Dengan berbuat demikian, kesatuan sekerja boleh memainkan peranan besar dalam meningkatkan kesedaran tentang komitmen kita terhadap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), prinsip asas ke arah mengekalkan syarikat secara bertanggungjawab," tambahnya.



MSM Dapat Kontrak Bekal Gula Kepada Coca-Cola



MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) melalui anak syarikat milik penuhnya, MSM Prai Bhd (MSM Prai) memperoleh kontrak bekalan gula bertapis bernilai RM290 juta dengan The Coca-Cola Company (Coca-Cola).

Kontrak bekalan gula itu adalah untuk pengeluaran domestik dan antarabangsa, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai pengeluar gula bertapis terkemuka dan pilihan Malaysia di Asia Pasifik.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad, berkata walaupun MSM telah memperoleh kontrak bekalan jualan

berjangka dengan pelbagai pemain utama industri Barangan Pengguna Cepat Laris (FMCG) tempatan dan di rantau ini, peluang untuk menjadi sebahagian daripada rantaian bekalan Coca-Cola, jenama minuman ringan paling bernilai di dunia, adalah sebahagian daripada rangka tindakan eksport MSM sebagai lapan syarikat penapis gula bersepadu terkemuka global.

"Pencapaian ini adalah rangsangan tambahan kepada Kumpulan MSM setelah berjaya mencapai pemulihan pada 2021 dan mempercepatkan pengembangan MSM ke

pasaran yang lebih luas di seluruh rantau ini.

"Paling utama, memandangkan kami telah menyatakan komitmen untuk mempergiatkan rangka kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), sebagai permulaan MSM akan menyediakan bekalan gula mentah lestari untuk pasaran domestik Coca-Cola," katanya dalam satu kenyataan.

MSM telah bekerjasama dengan Coca-Cola di dalam negara selama lebih 10 tahun. Bagi kontrak dua tahun dengan Coca-Cola Bottlers (Malaysia) Sdn Bhd itu, MSM akan membekalkan bekalan gula bertapis untuk 2022 dan 2023.

Kontrak dua tahun itu juga terpakai untuk eksport yang bermula pada Disember 2021, yang mana bekalan gula bertapis akan dihantar ke destinasi antarabangsa berbeza, yang mana Coca-Cola mempunyai kehadiran yang kukuh.



Menteri KPDNHEP Lawat MSM Prai



Pada 13 Januari 2022, Pengerusi Kumpulan MSM, Dato' Syed Hisham Syed Wazir, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed

Mohammad serta Ketua Operasi MSM Prai Berhad, Cheah Poh Lye berbesar hati menyambut kedatangan rombongan lawatan Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang diketuai oleh Menteri KPDNHEP, YB Dato Sri Alexandar Nata Linggi dan Pengarah KPDNHEP Negeri Pulau Pinang, Mohd Ridzuan Ab Ghapar dan pegawai-pegawai kanan KPDNHEP Putrajaya dan KPDNHEP Pulau Pinang. Dato Sri Alexandar Nata Linggi dan rombongan KPDNHEP meluangkan masa mendengar taklimat yang disampaikan oleh pengurusan tertinggi MSM Prai Berhad serta melawat operasi kilang penapisan gula di Prai, Pulau Pinang.

Muhammad Mujahid - Biasiswa FGV Mengubah Kehidupan Saya

Beliau dibesarkan dalam keluarga besar dengan sembilan adik-beradik dan ibu bapa yang berkerjaya sebagai guru di Perak. Muhammad Mujahid Pahmi memulakan pendidikan rendahnya di Sekolah Rendah Al Hidayah, Ipoh dan melanjutkan pelajaran ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Transkrian dan juga MRSM Taiping.

Di MRSM, Mujahid memupuk cita-cita untuk meneruskan pelajaran ke luar negara setelah melihat kejayaan senior lepasan MRSM yang mendapat biasiswa penuh. Beliau bersungguh-sungguh, ingin mengikuti jejak langkah mereka. Kebetulan semasa mencari biasiswa, Mujahid terbaca di akhbar tentang tawaran oleh FGV. Baginya tawaran yang dikeluarkan oleh FGV ketika itu agak menarik memandangkan biasiswa FGV tidak pernah dikeluarkan sebelum ini berbanding organisasi lain ternama yang pernah menawarkan biasiswa.

“Saya masih ingat saya menaiki bas seawal pagi dari Ipoh ke Kuala Lumpur untuk sesi temuduga biasiswa yang diadakan di Ibu Pejabat pada ketika itu di Balai Felda. Mak saya tidak putus-putus mendoakan saya,” kata Mujahid. Menurutnya, dia agak ragu-ragu sama ada dia benar-benar mahukan biasiswa tersebut kerana mengetahui akan terikat dengan kontrak pekerjaan yang panjang selama 10 tahun. Namun,

keputusan itulah yang menjadi titik tolak perjalanan kerjayanya di FGV.

Selepas tamat pengajian di University of Edinburgh, United Kingdom, Mujahid melapor diri pada September 2012 sebagai penyelidik di makmal Felda Agricultural Services Sdn Bhd (sekarang FGV Agri Services) di Enstek, Negeri Sembilan. Di sana, beliau mendapat pendedahan tentang bahagian penyelidikan dan pembangunan yang merupakan komponen penting untuk syarikat perladangan gergasi seperti FGV. Peluang datang mengetuk dan beliau menukar laluan kerjayanya ke MSM Malaysia Holdings Berhad, sektor gula di bawah FGV di mana beliau berkhidmat di beberapa jabatan seperti eksport, pembangunan perniagaan dan sebagai pegawai khas kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM.

Pada tahun 2019, Mujahid kembali ke FGV dan menjadi salah seorang Pegawai Khas kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV yang ketika itu adalah Dato’ Haris Fadzilah Hassan. Ujarnya, berkhidmat di peringkat Kumpulan membolehkannya melihat pandangan menyeluruh atau *helicopter view* sebuah syarikat besar seperti FGV, dengan puluhan anak syarikat dan operasi di seluruh dunia, cara ia berfungsi dan saling berkaitan antara satu sama lain.

“Saya juga dapat menimba ilmu dengan memerhati dan melihat bagaimana seorang Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan berfikir, berkelakuan dan membuat banyak keputusan. Di FGV inilah saya benar-benar mempelajari erti sebenar integriti dan kepimpinan. Bagi saya, tidak ada kelas MBA di mana-mana pun yang dapat menggantikan “kelas pengalaman” ini,” tambahnya.



Mujahid kini berkhidmat sebagai Ketua Operasi di Felda Travel, anak syarikat di bawah Sektor Logistik dan Sokongan FGV. Dengan pandemik COVID-19 masih belum selesai, tugas tersebut datang dengan cabaran baharu yang hebat dan membuka lebih banyak peluang untuk meningkatkan kemahiran dan memberikan yang terbaik untuk menghasilkan keputusan yang diinginkan.

“Jika saya boleh ringkaskan bahagian terbaik menjadi *Scholar* FGV dengan satu perkataan, ianya adalah “peluang”. Peluang yang tidak berkesudahan untuk kami terokai dan membuktikan nilai kami kepada syarikat,” ujar Mujahid.



Sesi Perjumpaan Bersama Mentor-Mentee Program Pensijilan Akauntan



Abdul Hakim



Siti 'Athiyyah



Nur Nabilah



Noor Faiekah

Program Pensijilan Akauntan (ACE) FGV yang dilancarkan pada 23 Disember 2020 merupakan kerjasama antara Kumpulan Kewangan FGV dan badan profesional tertentu. Program ini direka untuk membolehkan petugas muda bahagian kewangan FGV mencapai pensijilan mereka dan menjadi ahli badan perakaunan profesional dengan lebih cepat.

Sesi perjumpaan antara Mentor dan Mentee Program ACE telah diadakan pada 19 Januari 2022 di Tingkat 10, Bilik Delta, Wisma FGV. Ia merupakan sesi perjumpaan secara fizikal yang pertama sejak pelancaran program yang diadakan melalui talian pada 23 Disember 2020. Sesi tersebut dianjurkan oleh Bahagian Sumber Manusia, Jabatan *Talent & Acquisition*, dan dirasmikan oleh Aznur Kama Azmir, Pengawal Kewangan Kumpulan FGV.

Beliau telah memberi taklimat kepada mentee mengenai penubuhan Bahagian Kewangan Kumpulan, struktur organisasi dan inisiatif utama bagi Tahun

“Peperiksaan perakaunan adalah salah satu peperiksaan profesional yang paling sukar di dunia.”

Kewangan (FY) 2022. Beliau juga menjemput mentor dalam kalangan ketua-ketua dalam Bahagian Kewangan Kumpulan untuk berkongsi pengalaman kerja, kertas kerja dan peperiksaan profesional mereka. Mentee turut berkongsi rancangan dan aspirasi mereka dalam perjalanan mereka untuk berjaya dalam ACE.

Mulai TK2022, peserta ACE menjadi kakitangan Bahagian Kewangan Kumpulan dan melaporkan kepada mentor mereka. Mereka akan meneruskan giliran kerja dan akan diselia oleh Ketua Kewangan/ Eksekutif Kewangan terpilih seperti yang dipersetujui oleh Jawatankuasa ACE.

Pengaturan baharu ini adalah untuk memastikan sokongan utuh diberikan kepada peserta ACE untuk memudahkan pengajian mereka, justeru membantu mereka lulus dalam peperiksaan profesional di samping memperoleh pengalaman berdasarkan keperluan keahlian. Ini juga akan memberikan mereka pendekatan yang lebih seimbang antara peranan mereka sebagai peserta ACE dan peranan mereka dalam pelbagai syarikat dalam Kumpulan FGV.

Pada TK2022, peserta ACE baharu ialah Abdul Hakim Siddiq (FGVSSC), Siti 'Athiyyah (FGV Group Reporting), Noor Faiekah (DOP) dan Nur Nabilah (FGV Capital) bersama mentor mereka masing-masing; Mohd Izam Pariz, Shahril Ibrahim, Haslinda Abdul Rahim dan Rahayu Alias. Setakat ini, terdapat 12 bilangan peserta ACE dalam Kumpulan.

Peperiksaan perakaunan adalah salah satu peperiksaan profesional yang paling sukar di dunia. Diharapkan di bawah penyusunan baharu ini, para peserta ACE lebih bersemangat untuk cemerlang dalam peperiksaan mereka dan akhirnya menjadi salah seorang bertauliah akauntan Kumpulan FGV.

Automasi Proses Robotik (RPA) – Evolusi Strategi Transformasi Digital

Apakah itu Automasi Proses Robotik (RPA)?

Automasi Proses Robotik, juga dikenali sebagai *Robotic Process Automation (RPA)* adalah teknologi perisian robot yang dapat mengautomatiskan proses perniagaan yang dilakukan secara manual, berskala besar, berulang untuk diselesaikan dengan mudah dan pantas. Perkataan 'robotik' itu sendiri adalah suatu simbolik yang merujuk kepada robot perisian (Bot), di dalam teknologi maklumat. RPA dapat berintegrasi dengan semua sistem yang lain dan menjadikan sumber tenaga kerja sedia ada lebih menumpukan kepada tugas-tugas yang kompleks, kritikal dan analitik. Seiring dengan perkembangan teknologi semasa yang semakin maju dan pantas, RPA kini turut mempengaruhi proses aliran kerja harian dalam sesebuah organisasi agar tugas dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan berkualiti tinggi.

Ciri-ciri proses yang sesuai dilakukan oleh RPA

Automasi Proses Robotik hanya sesuai untuk dilaksanakan terhadap tugas-tugas tertentu. Antara ciri-ciri tugas yang sesuai dilakukan oleh RPA adalah:

1. Kerja yang berulang-ulang
2. Proses Manual
3. Proses yang memerlukan masa yang panjang
4. Data Setara (Standard)

RPA di FGV SSC SDN BHD

Pada akhir Oktober 2021, FGV SSC telah berjaya melaksanakan RPA kepada tiga 3 proses utama iaitu Khidmat Pelanggan (SSC Helpdesk), Akaun Penerimaan (Account Receivable) dan Penyelarasan Bank (Bank Reconciliation). Tiga proses tersebut dikenal pasti untuk 'pilot



project' RPA berdasarkan kepada proses aliran kerja yang berulang, manual, data yang digunakan adalah standard dan berskala tinggi. Bot telah diaplikasikan ke atas sistem SAP pada proses aliran kerja tersebut. FGVSSC hanya perlu memastikan sumber maklumat yang diperolehi adalah mengikut spesifikasi tertentu dan tepat sebelum dimasukkan di SAP. Bot akan mula diaktifkan dengan membaca maklumat tersebut secara berperingkat dan proses automasi akan dilaksanakan sehingga ke peringkat yang terakhir iaitu 'posted' di SAP berdasarkan T-code tertentu. Interaksi petugas dengan Bot semasa menyelesaikan sesuatu tugas tersebut adalah minimal. Jika maklumat tidak

lengkap, Bot akan berhenti dengan serta-merta. Petugas perlu merujuk kembali maklumat yang diterima dan membetulkannya semula sebelum Bot diaktifkan untuk menyelesaikan tugas tersebut.

FGV berada di landasan yang tepat dalam melaksanakan penggunaan RPA bagi meningkatkan kebolehpayaan sesebuah operasi perniagaannya. Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat terkini, adalah menjadi satu keutamaan bagi FGV mempunyai rangkaian sistem yang lengkap dan kukuh supaya keupayaan RPA dapat diaplikasi dengan mudah.

RPA juga memudahkan organisasi seperti FGV mengawal transaksi yang berskala besar dengan lebih mudah dengan mengurangkan kesilapan manusia dan seterusnya mewujudkan aliran kerja yang lebih cekap serta berkualiti. Secara tidak langsung ia memberikan manfaat kepada keseluruhan organisasi FGV dan seterusnya memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pihak-pihak yang berkepentingan.

FGV Integrated Farming (FGVIF) Jalankan Pelbagai Aktiviti



Sesi Mesyuarat Bersama CFRS FGV

Mesyuarat bersama semua CFRS FGV untuk membincangkan prestasi, isu dan matlamat tahun 2022 di Sawah Sempadan, Selangor.



FCAV Tubuh Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT)

Bagi menangani insiden kebakaran akibat cuaca kering di Perlis, FGV Chuping Agro Valley (FCAV) telah menubuhkan ERT dari kalangan petugasnya. Pasukan tersebut telah diberikan latihan untuk bersedia menghadapi sebarang insiden.



Program Wacana FGVIF

FGVIF telah mengadakan program Retreat 2022 di Le Meridien pada 25 Januari. Wacana tersebut telah diketuai oleh Abdul Razak Aya, Ketua FGVIF yang telah membincangkan hala tuju dan sasaran yang ingin dicapai.



Pemberian Suntikan Dos Penggalak Vaksin COVID-19

Seramai 14 petugas FGVIF menerima suntikan penggalak jenis Astra Zeneca (AZ) di Klinik Mega Zahran, Cyberjaya pada Jumaat, 7 Januari.



Karnival Tahun Pertanian Negeri Terengganu 2021

ALMA, jenama makanan ternakan FGV, telah menyertai Karnival Tahun Pertanian Negeri Terengganu pada 27-29 Januari. Ianya merupakan platform terbaik bagi mengetengahkan produk ALMA di Terengganu.



Lawatan Exco Ke Kawasan Projek Padi Wangi FGVIF Di Seberang Perak

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Negeri Perak, YB Razman Zakaria dan ADUN Kampung Gajah, YB Datuk Dr Wan Norashikin Wan Noordin membuat lawatan ke tapak tanaman padi wangi FGVIF di Seberang Perak.

Pesta Ikan Baung Putrajaya



Wilayah Persekutuan Putrajaya begitu sinonim dengan taburan tasik buatan yang indah. Tidak hairanlah aktiviti memancing menjadi pilihan utama penduduk kota bertandang ke sini. Lokasi pilihan pancingan saya kali ini ialah di Wetland Putrajaya.

Di sini, pelbagai aktiviti rekreasi ada disediakan. Pemancing boleh menyewa bot untuk memancing dan pakej memancing yang dikenakan tidaklah terlalu mahal. Bayaran bot fibre 12 kaki sebanyak RM40 dan sebatang joran RM20 untuk pancingan sehari.

Setelah perbincangan, kami menetapkan misi memancing baung dengan menggunakan teknik *trolling*. Tiga buah bot digunakan dalam misi ini,

dan kami berpecah menuju spot berpotensi di sekitar tasik.

Setelah sejam menunda gewang, kami masih lagi hampa. Gwang selaman dalam digunakan untuk mencari lubuk-lubuk berpotensi. Tergerak di hati kami ingin mencuba menunda di hujung pintu empangan tasik ini kerana dasar tasik di kawasan tersebut lebih dalam lingkungan enam meter. Kebiasaan ikan baung ini gemar di kawasan air dalam dan berstruktur.

Tiba sahaja di spot kami bertiga terus mengambil posisi sesuai supaya gewang tidak terbelit antara satu sama lain. Tidak menunggu lama, saya mendapat sambaran pertama

menggunakan *Rapala Rattlin gold*, diikuti Ijat menggunakan gewang selaman dalam K2. "Memang sah! inilah lubuk yg kami cari." Setelah beberapa kali menunda di kawasan sama, kami berjaya mendaratkan lapan ekor ikan baung berskala sekilo hingga dua kilo. Jelas terpancar wajah kegembiraan di kalangan kami. Dalam kepala kami terbayang nak masak apa ikan ni, masak lemak tempoyak atau asam pedas?."

Trip setengah hari ini dianggap berjaya bagi kami kerana *trolling* bermula pukul 9 pagi hingga 1 tengah hari hanya empat jam memancing hasilnya lapan ekor baung, sungguh lumayan!.

oleh: Mohd Nazim Kamsaim (FGVHB)

Resipi Seri Kaya



Waktu kita bersarapan, roti sandwich kalau disapu kaya memang antara yang paling cepat nak sediakan. Namun ada yang kurang gemar kerana rasa kaya di pasaran yang terlalu manis. Jom kita cuba sendiri resipi Seri Kaya dari peserta Peraduan Memasak Duta FGV ini. Anda boleh ubahsuai kemanisan ikut citarasa anda!

Bahan-Bahan

- 1 cawan Gula Prai (pasir kasar)
- 1 cawan air panas
- 3 biji telur
- 1 cawan Gula Prai (merah lembut)
- 1 sudu teh esen vanilla
- 1 kotak 200ml Santan Saji
- 2 sudu besar tepung jagung

Cara penyediaan:

1. Masak gula sehingga keperangan dengan api yang kecil
2. Kemudian masukkan air panas dan kacau sehingga sebat
3. Masukkan telur, esen vanilla dan Gula Prai (merah lembut) yang telah dikisar bersama
4. Seterusnya masukkan santan Saji dan tepung jagung kemudian kacau sehingga masak
5. Masukkan adunan yang sudah masak ke dalam peti sejuk semalaman dan siap untuk dihidangkan.

Resipi oleh: Syahidah Ismail (MSM Holdings)

Tahniah
Kepada
Semua
Pemenang

Senarai Pemenang 'Peraduan Foto Makanan Menyatukan Keluarga Malaysia'



Asmi Asbat
FGV Bulkers, Bandar Sahabat



Ladang Sahabat 41



Mohd Zahrin Ishak
FGV Prodata



Rovathy Nagarajan
FGV Integrated Farming



Hairyda Mat Jusoh
FGV Holdings (Taska Wisma FGV)



Mohd Zahrin Mohd Zainudin
Pontian United Plantations Berhad

Pemenang pertandingan akan dihubungi oleh Jabatan Komunikasi Strategik Kumpulan

Pemenang Pertandingan Sempena Hari Anti-Rasuah Antarabangsa

Teka Silang kata

Tempat Pertama

Siti Nursuriyati Mohd Yusoff

FGVHB / GIA

**Tegas Dan Sepenuh Hati, Amalkan
Hidup Berintegriti**

Tempat Kedua

Nadiah Othman

FGVPM / HR

**Hati, Perpegang Pada Janji, Menolak
Walau Apa Yang Terjadi**

Tempat Ketiga

Nor Aqilah Abdul Malek

FGVPISB / ZON 1

**Menjunjung Amanah, Kehidupan
Barakah**

Saguhati

Muhammad Amirul Syafi Marhaban

FGVPI / KS KAHANG

Gagah, FGV Megah Dengan Maruah

Hemieliana Ali Hassan

FGVPM (WILAYAH SAHABAT SELATAN,
ZON SABAH)

**Menerapkan Nilai Teras Berintegriti
Yang Tinggi Serta Bertanggungjawab
Membawa Nama FGV**

Siti Aishah Mohd Yusoff

FGVHB / LSB

Rasuah Dihindari, Barakah Dicari

Salina Lily Salleh

FGVHB / GGRM

Putuskan Rantaian Rasuah!

Ladang Sahabat 20

FGVPM

**Sepenuh Dan Seikhlas Hati Dan
Jangan Biarkan Rasuah
Menghancurkan Bangsa Kita**

Nurnabiha Abdul Molok

FGV FERTILISER

**Mengamalkan Nilai Integriti Dan Moral
Yang Tinggi Dalam Melaksanakan
Tugasan & Tanggungjawab**

Zuraidah Jamal

FGV TRANSPORT / DEPOT SAHABAT
Mentradisikan Integriti

Lydiana Jasnie

FGVPM LADANG SAHABAT 56

**Tidak Memberi Dan Menerima
Berintegriti Dan Bermaruah**

Mohd Izuddin Selamat

FGV JOHOR BULKERS

**Penuh Integriti. Sejahtera Syarikat
Dengan "Pride"!**

Aisyatul Syahira Mohamad Arshad

MSM PRAI

Tegas, Telus Secara Terus Menerus

Poster



Tempat Pertama

Shahrul Azman Bakar

FGV R&D

Saguhati

Nurain Md Gauth (FGVHB / Group Strategy)

Muhammad Hafiz Suhaimi (FGVPI / KS Lepar Utara 6)

Nik Azida Nik Anuar (FGV Prodata)

Ir. Dr. Gideon Tan (FGVHB)

Muhammad Asri Che Ahamad (FGV Transport)



Tempat Kedua

Muhammad Adib Ahzear

FGVPM / Ladang Felda

Kechau 8



Tempat Ketiga

Mohd Ridzwan Talib

FGV Transport

Ahmad Solehin Saharun (FGV Transport / Depoh Kuantan)

Nurul Liana Hashim (FGVPI / KS Triang)

Ida Suriati Ahmad Shuhaimi (FGV Prodata)

Mohd Ruzaini Nasir (DOP / Pasir Gudang)

Mohd Samsol Jaafar (FGVPM)

Video

Tempat Pertama

Ir. Dr. Gideon Tan

FGVHB

Tempat Kedua

Rosli Abdul Rahman

FGV Agri Services

Tempat Ketiga

Dr. Irwan Shahrani Hassan

FGVHB / GGRM

Tarikh tutup penyertaan:
28 Februari 2022

Peraduan Mengimarahkan Jawi

Sertai pertandingan ini dengan menulis perkataan-perkataan berikut dalam seni khat jawi. Tulisan jawi yang menggunakan tangan, tepat, kemas dan cantik akan berpeluang memenangi hadiah menarik berupa baucar Kedai FGV.

Ambil gambar dan hantarkan penyertaan anda ke

groupstrategiccomms@fgvholdings.com

atau

WhatsApp ke nombor

+60 19-200 4600

1. FGV
2. Kelestarian
3. Tenggiling
4. Beruang Matahari
5. Pemuliharaan
6. Perubahan Iklim

